

10/10/1999

Pas, DAP tidak perlukan Anwar

Syed Akbar Ali

USAHA Pas dan DAP untuk menonjolkan satu `alternatif' hanya percaturan oportunistik saja. Parti Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia cuma menjadi habuk rempah dalam rojak alternatif ini.

Pas dan DAP langsung tidak perlu kepada Parti Rakyat atau Keadilan untuk menghadapi pilihan raya ini ataupun sebarang pilihan raya yang lain. Perkara yang memikat hati Pas dan DAP ialah simpati di kalangan sebahagian orang Melayu terhadap Anwar Ibrahim selepas dia dipecat daripada Umno dan dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan jenayah dan salah laku.

Walaupun Anwar telah didapati bersalah oleh mahkamah atas tuduhan tertentu, Anwar masih mempunyai mass appeal di kalangan orang Melayu. Dari segi rasional ini adalah satu perkara yang aneh tetapi emosi seperti ini akan tetap berulang di kalangan orang Melayu. Emosi ini berhubung kait dengan perasaan taklid dan takjub terhadap pemimpin yang dianggap `alim' yang masih mencengkam akal fikiran orang Melayu.

Pas dan DAP sungguh peka akan hakikat ini. Oleh itu Anwar boleh dijadikan `kuda tunggangan' untuk sesiapa yang oportunistik. Ia tidak terlintas sekalipun dalam fikiran DAP untuk menjemput Anwar memasuki parti itu. Begitu juga Pas tidak pernah melamar Anwar, Wan Azizah atau Chandra Muzaffar dengan bersungguh-sungguh untuk menyertainya.

Sebaliknya mereka akan menjadi khuatir jika Anwar atau Wan Azizah masuk parti mereka. Sebab sudah tentu Anwar boleh mendapat jawatan yang tinggi di dalam parti mereka dalam sekelip mata saja. Wan Azizah pula seorang wanita jelita. Semua ini boleh menimbulkan masalah untuk Pas.

Misalnya dalam karya terbaru ciptaan Pas dan DAP, mereka berkata bahawa Anwar akan dilantik menjadi Perdana Menteri jika parti pembangkang menangi pilihan raya.

Tetapi malang sekali, oleh kerana `kedaulatan undang-undang' dan proses undang-undang yang mungkin mengambil masa, Pas berkata Anwar mungkin terpaksa menunggu dalam penjara juga untuk seketika waktu. Maka terpaksa parti pembangkang yang memegang jumlah besar kerusi Parlimen meletakkan calon mereka dulu sebagai Perdana Menteri.

Anwar menjalani hukuman penjara enam tahun. Pilihan raya pula diadakan setiap lima tahun. Perlembagaan juga memperuntukkan seseorang yang dipenjara tidak kurang dari setahun tidak boleh menjadi ahli Dewan Rakyat untuk tempoh lima tahun dari tarikh hukuman. Jadi bilakah Anwar akan dilantik menjadi Perdana Menteri oleh Pas dan DAP? Sebenarnya kenyataan licik seperti ini mempersendakan Anwar dan memperkecilkan parti Keadilan yang memang kecil itu.

Ia juga berasaskan satu keyakinan bahawa penyokong Anwar, yang menjadi sasaran sebenar Pas dan DAP, lemah dalam fikiran mereka. Mungkin tanggapan ini ada kebena-rannya. Pas dan DAP tidak perlu kepada Anwar. Mereka cuma memancing undi daripada penyokongnya. Semua ini hanya satu lagi adegan dalam politik mereka.

Jadi alternatif yang dipelopori Pas dan DAP sebenarnya tidak lain daripada satu barisan oportunistik yang bertujuan untuk mengeksploitasikan mala petaka yang menimpa Anwar walaupun bencana itu terhasil daripada tingkah laku Anwar sendiri. Itu saja.

Gerak langkah oportunistik oleh Pas dan DAP ini langsung tidak mempunyai sebarang persamaan yang lain. Pada laman webnya DAP huraikan matlamat parti itu seperti berikut: "Sebagai ahli kepada Pertubuhan Sosialis Antarabangsa (Socialist International) DAP bersama-sama demokrat sosial di

seluruh dunia memperjuangkan kemanusiaan dan demokrat sosial."

Fahaman sosialis timbul pada kurun ke-19 selepas dipelopori falsafahnya oleh orang kuat sosialis seperti Charles Fourier di Perancis, Robert Owen di England dan juga Karl Marx di Jerman.

Satu tiang utama dalam falsafah ini ialah ketiadaan semangat keagamaan ataupun ketuhanan. Maka kita tidak akan menjumpai nama nabi atau sahabat sebagai rujukan di sisi Karl Marx atau Charles Fourier itu.

Pas pula dalam homepej mereka berkata matlamat perjuangan mereka ialah "Menyeru umat manusia kepada syariat Allah dan sunnah Rasul-Nya melalui cara lisan, tulisan dan amalan" dan juga untuk "mengajak dan menggalakkan badan, pertubuhan dan orang perseorangan bagi mengenali dan memahami serta memperjuangkan konsep pandangan hidup Islam."

Yang menjadi hakikat, Pas tidak pernah menyeru anggota DAP kepada syariat Allah dan sunnah Rasul-Nya. Pas tidak pernah mengajak dan menggalakkan DAP mengenali dan memahami serta memperjuangkan konsep pandangan hidup Islam.

Jelas bahawa Pas lebih utamakan berahi politik daripada memperjuangkan matlamat mereka sendiri untuk menghalalkan nikah dengan DAP. Ini menjadi satu lagi kes cakap tak serupa bikin oleh Pas. "Hai orang yang beriman, mengapakah kamu mengatakan sesuatu yang tidak kamu perbuat?" (Surah 61: 2).

Dalam kelobaan mereka untuk bersekongkol dengan DAP, Pas menutup mata dan telinga mereka terhadap kenyataan pemimpin DAP seperti Pengerusi DAP Perak, Ngeh Koo Ham yang berkata Pas akan dihadkan bertanding tidak lebih daripada 30 peratus daripada jumlah 193 kerusi Parlimen supaya Pas "tidak boleh menubuhkan satu kerajaan Islam" di Malaysia.

Jadi janji Pas untuk "menyeru umat manusia kepada syariat Allah dan Rasul-Nya" tidak akan tercapai kerana rakan seperjuangan mereka iaitu pewaris Charles Fourier dan Karl Marx mempunyai hasrat untuk menyekat pewaris nabi supaya mereka tidak boleh bertanding lebih daripada satu pertiga kerusi Parlimen.

Dalam hal Putrajaya, Pas sudah mengumumkan hasrat mereka untuk melelong saja Putrajaya, yang termasuk masjidnya yang sungguh indah, jika Pas berjaya dalam pilihan raya nanti.

Pemikiran Pas yang kontot ini cuba membawa alasan bahawa kerajaan Malaysia banyak berhutang dan tidak cukup duit untuk membayar hutang. Tetapi DAP pula tidak merakamkan sebarang persetujuan dengan cadangan Pas ini, bukan saja sebab mereka tahu Pas bercakap kosong tetapi DAP sendiri faham mengenai kedudukan dan nilai Putrajaya.

Begitu juga dengan Anwar yang pernah terbabit secara terperinci dengan rancangan pembangunan Putrajaya termasuk merancang rumah kediaman Perdana Menteri dengan enam bilik tidur - sesuai dengan seorang Perdana Menteri yang mempunyai ramai anak.

Sebenarnya kerajaan telah membeli tanah paya, tanah hutan dan kawasan ladang dengan harga beberapa ribu ringgit seekar dan menukarnya menjadi sebuah pusat pentadbiran yang canggih dan unggul atas muka bumi Allah ini.

Dan tanah paya, ladang dan hutan yang dibeli dengan harga beribu ringgit seekar sekarang ini mempunyai nilai sehingga beratus ringgit setiap kaki persegi.

Nilai Putrajaya sudah meningkat berkali ganda. Dengan menjual sedikit tanah lot dan tapak pembangunan yang begitu tinggi nilainya, kerajaan boleh membiayai segala kos pembangunan Putrajaya.

Walaupun Pas tidak menunjukkan keupayaan untuk menerajui usaha gergasi seperti ini, Pas mengaku bahawa harga lelong Putrajaya mampu membayar bukan saja kos pembangunan kota raya itu tetapi juga semua daripada hutang negara. Maka bersyukurlah Pas kepada Allah dan juga kepada pimpinan Dr Mahathir.

Setakat ini Pas tidak menonjolkan satu bakat yang berguna untuk menjayakan ekonomi selain daripada cadangan melelong tanah pesaka sendiri untuk mencari duit.

Sebaliknya Pas sudah mula mengambil duit daripada penyokongnya untuk tujuan politik mereka. Pas menggunakan akhbar Harakah untuk menjemput penyokong dan ahlinya menyertai jamuan makan dengan habuan RM10 atau sebagainya untuk membeli kupon.

Sepatutnya tujuan utama politik ialah untuk membawa kesenangan hidup kepada rakyat, misalnya dengan membina masjid dan kotar raya yang selesa dan berguna seperti di Putrajaya.

Tetapi pemerintahan Pas di Kelantan misalnya gagal memperbaiki keadaan banyak rakyat yang serba kekurangan. Dan sekarang Pas meraih kekayaan daripada penyokongnya dengan menjual kupon RM10 untuk makan tengah hari dan minum `teh' bersama pemimpin Pas.

Dan mereka masih tergamak menuduh orang lain tidak mempunyai cukup wang. Bukan saja perbuatan ini menelan duit orang tetapi ianya melanggar perintah Allah dan Rasul-Nya. Nabi telah membawa ajaran yang berikut kepada kita: "Aku tidak minta upah kepadamu atas usahaku ini. Tidak adalah upahku, melainkan daripada Tuhan semesta alam," (Surah 26: 109).

Mungkin untuk memperingati orang seperti pemimpin Pas yang mengaku sudi menerima ajaran syaitan, ayat ini telah diulang sebanyak lima kali dalam surah ini (109, 127, 145, 164 dan 180).

Bukan saja kita tidak boleh mengambil upah kupon RM10 untuk menegakkan ajaran Allah dan Rasul-Nya tetapi berdosa jika kita mengikut orang yang mengambil upah yang sedemikian. Nabi membawa ajaran yang berikut juga: "Ikuilah mereka yang tidak minta upah kepadamu, sedang mereka mendapat petunjuk," (Surah 36: 21).

Jadi orang yang minta upah untuk tujuan agama itu bukanlah orang yang mendapat petunjuk. Sebaliknya mereka adalah pembohong. "Katakanlah, Aku tidak minta upah kepadamu atas usahaku ini dan aku bukan berbuat bohong," (Surah 39: 86).

Jelas sekali bahawa ajaran Allah dan Rasul-Nya sungguh berbeza dengan ajaran yang dibawa oleh Pas dan pemimpinnya. Mereka pandai menghafal ayat al-Quran untuk menakjubkan orang saja tetapi ia tidak pasti sama ada mereka benar-benar memahami ajaran Allah dan Rasul-Nya.

(END)